



PERBADANAN LABUAN

PETI SURAT 81245

87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 33/2018(JPK)
TARIKH : 05 April 2018

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE21** bagi perolehan berikut:

**“KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MEMBAIKPULIH BUMBUNG PLAZA
BERPAYUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS SUKAN LAUT
ANTARABANGSA LABUAN, WP LABUAN”**

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 15.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **18.04.2018** sehingga **24.04.2018**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BERSERTA SATU SALINAN** dari **SPKK dan Perakuan Pendaftaran CIDB** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **17.04.2018 (SELASA)**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 7, Menara Perbadanan Labuan** pada hari tersebut sebelum jam **09.00** pagi.
5. Hanya penama dalam SPKK dan CIDB sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)
6. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1** di **Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **25.04.2018 (RABU)**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NORINA @ MORIN IGNATIUS BEATTY)
b.p Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan